

**MUHAMMAD**

**(S.A.W.)**

**PENYELAMAT**

**UMAT MANUSIA**

**Nayeem Siddiqi**

Please visit FREE e-libraries:

[www.al-islamforall.org](http://www.al-islamforall.org) [www.quranforall.org](http://www.quranforall.org) [www.prophetmuhammadforall.org](http://www.prophetmuhammadforall.org)

## BAB PERTAMA

- PERIBADI RASULULLAH S.A.W SECARA IMBASAN
- PENAMPILAN FISIK RASULULLAH DAN AKHLAQNYA
- KEHIDUPAN DIRUMAH
- KEBIASAAN PERIBADI
- PERASAAN MANUSIAWI
- REKREASI BELIAU
- BEBERAPA KEISTIMEWAAN RASULULLAH S.A.W.

## PERIBADI RASULULLAH S.A.W SECARA IMBASAN PENAMPILAN FISIK RASULULLAH DAN AKHLAQNYA

Personaliti-personaliti yang berjaya didunia ini, terutama para-para rasul dan pengasas-pengasas reformasi, semuanya mempunyai perwatakan berkarisma dan perwatakan inilah kuasa pendorong di sebalik kepimpinan kearah reformasi serta pembinaan terhadap pembaharuan, berasaskan terhadap satu cara pemikiran. Dalam mempelajari riwayat hidup Rasulullah s.a.w, kita harus terlebih dahulu mengenali perwatakan penyelamat manusia ini.

Penampilan seseorang itu dapat menolong kita dalam memahami perwatakannya. Struktur badan, penampilan fisik serta simetri tubuh memberi kita pemahaman mengenai keadaan mental dan akhlaqnya. Wajah merupakan index kepada minda dimana ia seperti buku yang terbuka dimana perwatakan dan sejarah masa depan seseorang itu dapat dibaca. Kita tidak mempunyai sebarang imej atau gambar Rasulullah s.a.w dimana kita dapat melihat ketampanannya kerana Rasulullah s.a.w. telah menghalang sebarang lukisan atau ukiran dirinya kerana khuatir ianya akan disalahgunakan dan akan dijadikan bahan sembahsan, dimana akan terus melanggar syariat Islam yang paling asas. Sebarang gambar yang telah dilukis oleh orang-orang kafir adalah imaginasi semata-mata dan berasaskan pandangan tidak seimbang mereka terhadap Rasulullah s.a.w. Dari itu, kita cuma mempunyai gambaran lisan dari para sahabat, yang memberi kita secebis imbasan dari penampilan baginda.

Abdullah bin Salam, seorang ilmiah Yahudi; apabila memandang wajah Rasulullah s.a.w., dia tidak ragu-ragu lagi tentang kebenaran yang dibawa Rasulullah s.a.w dan terus memeluk Islam. Telah berkata ia, "Sebaik aku memandang Rasulullah s.a.w, aku sedar wajah ini bukan wajah seorang yang pendusta." Seorang lagi sahabat, Abu Ramsa Laimi berkata, "Aku telah pergi kepada Rasulullah s.a.w bersama anak lelaki ku, dan orang-orang yang berada disitu menunjuk Rasulullah s.a.w kepada ku. Melihatnya, tidak ada keraguan pada diriku bahawa dialah persuruh Allah." Satu rombongan pedagang telah sampai di Madinah dan telah berkemah diluar kota itu. Rasulullah s.a.w. telah lalu disitu dan telah membeli seekor unta dan berjanji untuk menghantar wang bayarannya sejurus ia kembali kerumah. Tuan empunya unta itu agak bimbang kerana telah mempercayai seorang yang tidak dikenalnya. Lantas ibunya telah berkata, "Jangan engkau risau. Saya telah melihat wajah seseorang yang bersinar seperti bulan mengambang. Seseorang yang mempunyai penampilan sedemikian tak mungkin pendusta dan sekiranya dia tidak menghantar bayaran unta itu, malah aku sendiri akan memberi engkau duit itu." Bahkan kemudian, Rasulullah s.a.w telah menghantarnya jumlah kurma yang lebih dari bayaran unta itu. Ibu dan ibu saudara Qarsata berkata, "Tidak pernah kami melihat seorang yang lebih tampan dari Rasulullah s.a.w.. Kami melihat cahaya keluar dari bibirnya." Abu Hurairara berkata, "Rasulullah s.a.w umpama matahari yang bersinar. Tidak pernah aku lihat lelaki yang lebih tampan dari Rasulullah s.a.w." Rabee, anak perempuan Mu'awwaz berkata, "sekiranya engkau melihat Rasulullah s.a.w, umpamanya engkau melihat matahari terbit." Sayyidina Ali r.a. berkata, "Pernah aku merenung wajah Rasulullah s.a.w. sewaktu bulan mengambang dan membandingnya dengan sinaran bulan. Akhirnya aku sedar bahawa Rasulullah sa.w. lebih tampan dari bulan itu." Ka'ab bin Malik berkata, "Apabila Rasulullah s.a.w. gembira dengan sesuatu, wajahnya kelihatan bercahaya seperti sinaran bulan, dan tahulah kami dari wajahnya bahawa ia berpuas hati dengan sesuatu."

Apakah yang dikatakan mengenai bahagian-ganhagian fizik Rasulullah s.a.w. :

- Wajah : "Wajahnya bersinar seperti bulan" - (Hind bin Abi Hala)
- : "Wajahnya bulat umpama bulan purnama" - (Bara bin Azib)
- : "Wajahnya tidak bulat tapi adalah agak kebulatan" - (Sayyidina Ali)

Please visit FREE e-libraries:

[www.al-islamforall.org](http://www.al-islamforall.org) [www.quranforall.org](http://www.quranforall.org) [www.prophetmuhammadforall.org](http://www.prophetmuhammadforall.org)

	: "Dahinya luas, keningnya condong dan terbelah ditengah. Satu urat kelihatan tertimbul antara keduanya dan lebih kelihatan apabila ia marah" (Hind bin Abi Hala)
Warna	: "Tidak ia putih seperti limau nipis, dan tidak terbakar, tapi coklat dengan putih yang dominant" - (Hazrath Anas) : "Putih kemerahan"- (Hazrath Ali) : "Putih tetapi menyeluruh" - (Abu Tufail) : "Putih dan bersinar" - (Hind bin Abi Hala)
Mata	: "Hitam dengan bulu mata yang panjang" (Hazrath Ali) : "Hitam dan agak kebawah. Beliau sering melihat dari hujung mata kerana sifatnya yang malu" - (Hind bin Abi Hala) : "Jalur merah kelihatan di mata putihnya, bebola mata yang lebar dan hujung-hujung yang kelabu" - (Jabir bin Samra)
Hidung	: "Agak tinggi dengan cahaya yang luar biasa dan kelihatan agak besar pada pandangan pertama" - (Hind bin Abi Hala)
Pipi	: "Rata dan lembut, agak berisi melabuh di bahagian bawah" - (Hind bin Abi Hala)
Mulut	: "Lebar" - (Jabir bin Samra) : "Agak lebar." (Hind bin Abi Hala)
Gigi	: "Nipis dan cerah, simeteri yang sama, bergigi hadapan yang jarang" - (Hazrath Ibn Abbas) : "apabila beliau bercakap, seolah-olah cahaya bersinar dari giginya" - (Hazrath Anas)
Janggut	: "Penuh dan lebat"- (Hind bin Abi Hala)
Leher	: "Kurus dan panjang, indah bagai dipahat patung batu. Warnanya putih seperti perak dan tampan"- (Hind bin Abi Hala)
Kepala	: "Besar tapi bersimetri yang seimbang"- (Hind bin Abi Hala)
Rambut	: "Tidak lurus dan tidak seperti bulu biri-biri." - (Qatada) : "Agak beralun" - (Hazrath Anas) : "Tebal, dan kadang-kadang menyentuh cuping telinga dan hamper mencecah bahu" - (Bara bin Azib) : "Dibelah tengah" - (Hind bin Abi Hala)

: "Badannya tidak banyak rambut. Sejalur rambut yang merentas dada sehingga ke pusat" - (Hazrath Ali and Hind bin Abi Hala)

: "Terdapat sedikit rambut dibahagian bahunya, lengan dan bahagian atas dada" (Hind bin Abi Hala)

Struktur Umum : "Tubuhnya berbina tegap dengan tulang-tulang yang besar dan kukuh" - (Hind bin Abi Hala)

: "Tubuhnya tidak gemuk." (Hazrath Ali)

: "Tidak tinggi dan tidak rendah, kecil tapi sederhana binaannya." - (Hazrath Anas)

: "Lebih kepada ketinggian. Didalam khalayak ramai beliau kelihatan seperti lebih tinggi dari yang lain" - (Bara bin Azib)

: "Perutnya tidak terkeluar" - (Umme-e-Mabad)

: "walaupun dalam keadaan serba berkurangan dan makanan yang tidak mencukupi, tubuhnya lebih kuat dan ampuh dari orang-orang yang mempunyai pemakanan yang cukup." - (Al-Mawahib)

: "Tidak pernah aku melihat seorang yang lebih berani dan kuat dari Rasulullah s.a.w." - (Ibn Umar)

Bahu & Dada : "Dada yang luas dan selaras dengan abdomen" - (Hind bin Abi Hala)

: "Dada yang luas - (Bara bin Azib)

: "Lebarnya antara kedua bahu lebih dari biasa." - (Hind bin Abi Hala and Bara bin Azib)

: "Bahagian antara kedua bahu agak berisi" - (Hazrath Ali)

Lengan&Tangan: "Pergelangan tangan yang besar, tapak tangan yang lebar serta jari yang seimbang simetri dan besar." (Hind bin Abi Hala)

: "Tidak pernah aku menyentuh sutera yang tebal atau nipis yang lebih halus dan berisi dari tapak tangan Rasulullah s.a.w." - (Hazrath Anas)

Betis dan kaki : "Betisnya tidaklah berisi tapi seimbang simetrinya" -(Jabir bin Samra)

: "Kakinya berisi, bahagian bawah kaki agak berlekuk dan kakinya sungguh halus sehinggakan air tidak dapat bertakung." - (Jabir bin Samra)

: "Sedikit isi dibahagian tumit." - (Jabir bin Samra)

Gambaran yang paling berbentuk grafik pernah diberikan oleh seorang wanita dimana Rasulullah s.a.w telah berhenti dirumahnya dalam perjalanan dari Gua Thur ke Madinah dimana kambingnya telah mengeluarkan begitu banyak susu sehingga Rasulullah s.a.w dan sahabat-sahabatnya telah puas minum, dan masih banyak lagi susu yang berlebihan. Sejurus tiba suaminya dirumah dia menyatakan kehairanannya, perempuan ini memberi gambaran Rasulullah s.a.w seperti berikut:

**Please visit FREE e-libraries:**

[www.al-islamforall.org](http://www.al-islamforall.org) [www.quranforall.org](http://www.quranforall.org) [www.prophetmuhammadforall.org](http://www.prophetmuhammadforall.org)

"Ciri-ciri yang tampan, muka yang bercahaya, perwatakan yang menyenangkan, abdomennya (perutnya) tidak terkeluar, tidak juga rambutnya terkeluar, lembut, segar. Mata yang hitam dan besar, rambut yang panjang dan tebal, suara yang jelas, leher yang panjang, mata hitam yang jernih, hujungnya kelabu terang, bulu mata nipis dan jatuh, rambut hitam dan keriting, senyap tetapi berhemah yang lebih kepada bersahaja, lembut dan menyangkap hati dari jauh dan manis dan sungguh tampan dari dekat, berkata-kata manis dan perkataannya jelas, tidak lebih dan tidak kurang hanya sekadar perlu, setiap percakapan yang selaras, binaan yang sederhana, tidak pendek dan tidak tinggi, bagaikan ranting baru dari pokok yang menumbuh, senang mata memandang dan bertubuh kemas. Sahabat-sahabatnya amat menyanginya dan sentiasa disekelilingnya, mendengar dan terus akur akan arahannya. Diikuti perntahnya, disenangi, tidak berkata banyak dan mudah difahami.

Buku asal *Rahmatul Lil Alamin* yang berbahasa Arab telah di terjemah didalam bahasa Urdu

Pakaian: didalam Al-Qur'an

*"Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menyediakan pakaian untuk menutupi auratmu dan untuk perhiasan bagimu. Tetapi pakaian takwa itulah yang lebih baik." (7:26)*

Di ayat yang lain:

*"Dan Dia menjadikan pakaian bagimu yang memeliharaku dari panas dan pakaian baju besi yang memelihara kamu dalam peperangan" - (XVI:81)*

Selaras itu, pamakaian rasulullah s.a.w berdasarkan ayat-ayat ini. Pakaianya melindungi tetapi dipandang mulia serta membawa penampilan pemakaian orang yang takut akan Allah. Ia memenuhi keperluan tetapi berpegang kepada prinsip-prinsip moral tetapi juga senang mata memandang. Rasulullah s.a.w amat bencikan bermegahan dan perhiasan. Rasulullah s.a.w bersabda, "aku seorang hamba Allah dan pemakaianku adalah demikian." Selalunya pemakaian Rasulullah s.a.w. adalah yang diikat atas dari pusat dan panjangnya sehingga atas sedikit dari bukul lalinya, bahagian hadapannya kelihan lebih pendek dari yang belakang, baju yang agak panjang (umpama kurta) dan berserban. Apabila Rasulullah s.a.w melihat para sahabatnya memakai seluar, baginda telah berkenan dan membeli sepasang untuk dirinya. Ini adalah antara barangnya yang telah dijumpai selepas baginda wafat. Kadang-kadang dia memakai sarung kepala dan juga setokin. Sepasang setokin telah dihantar sebagai hadiah dari Negus, pernah dipakai oleh Rasulullah s.a.w. dan beliau telah menyapu diatasnya semasa berwudhu (dengan itu tidak membasuh kaki). Sepasang setokin dihadiahkan oleh Wahaiwa Kalbi juga diguna Rasulullah s.a.w. sehingga luput. Baginda lebih menyukai kepada pakaian putih dan menyuruh agar mayat-mayat dikafani dengan kain putih. Rasulullah s.a.w selalu memakai *Chappal* dikakinya. Rasulullah s.a.w memakai sebetuk cincin dijari kecilnya yang diukir "*Muhammad Rasul Ullah*" yang juga digunakan sebagai cap mohor. Pakaianya sentiasa bersih dan baginda tidak sukakan pakaian yang berkelihatan riak dan menunjuk. Rasulullah s.a.w amat memerhatikan kepada rambutnya terutama janggutnya dan memerintahkan sesiapa yang menyimpan janggut supaya ianya sentiasa kemas. Baginda sentiasa menyimpan tujuh barangan yang berikut ini dirumah atau diwaktu dalam perjalanan: (1) sebotol minyak wangi (2) sikat, (3) *Surma dani*, (4) sepasang gunting (5) siwak untuk gosok gigi (6) crmin (7) secepis kayu yang nipis. Baginda amat menyenangi wangi-wangian dan sangat suka menerimanya sebagai hadiah.

Rasulullah s.a.w berjalan tegap dengan langkah yang berwibawa dan memandang kearah hadapan. Walaupun memikul tanggungjawab yang berat, Rasulullah s.a.w sentiasa meluangkan masa dalam perbualan sosial dimana soal-soal agama dan harian diperbincangkan. Baginda sentiasa bertutur dengan lembut dan setiap perkataannya jelas dan tepat sehingga siapa yang mendengar dapat mengingatnya. Lantang suaranya sewaktu percakapan begitu nyata. Bahasa

Please visit FREE e-libraries:

[www.al-islamforall.org](http://www.al-islamforall.org) [www.quranforall.org](http://www.quranforall.org) [www.prophetmuhammadforall.org](http://www.prophetmuhammadforall.org)

Arab memang pun sudah terkenal dengan ketangkasan dan kehalusannya, dan bahasa Rasulullah s.a.w seperti diakuinya, telah diberi inspirasi dari segi kejelasan, gaya dan kesempurnaan, bahasanya adalah unik dan kesingkatan ungkapannya adalah ciri utama, dimana ungkapannya singkat tetapi membawa makna yang dalam. Sekiranya boleh diterjemah antara ungkapan-ungkapan yang sungguh menakjubkan itu, kami telah melakukan demikian, tetapi bagi yang berminat bolehlah merujuk kepada kerja-kerja yang asal. Antara khutbah Rasulullah sa.w. yang paling masyhur adalah sewaktu penaklukan kota Mekah dan sewaktu Hajinya yang terakhir. Yang terakhir ini juga seolah membuka satu bab yang baru dalam sejarah.

Rasulullah s.a.w memberi salam kepada setiap orang yang ditemuinya dan selalunya mendahului dalam memberi salam. Sekiranya ia menghantar pesanan, baginda menyertakannya dengan salam. Sekiranya seseorang mengirim pesanan kepadanya, baginda menyambut dengan salam kepada kedua-dua, pengirim dan pembawa pesanan. Pada satu ketika Rasulullah melalui sekumpulan kanak-kanak dan baginda memberi salam kepada mereka. Apabila dia melalui sekumpulan wanita, baginda turut memberi salam kepada mereka.

Baginda memberi salam kepada semua yang didalam rumah sewaktu keluar dan masuk. Baginda berjabat tangan dengan sahabat dan juga memeluk mereka dan adakalanya mencium dahi mereka. Sewaktu berjabat tangan baginda tidak pernah menarik tangan sehingga yang berjabat tangan itu menarik tangannya. Didalam perhimpunan, baginda selalu memilih untuk duduk di penjuru (sudut) dan tidak melangkahi orang lain untuk hadapan. Baginda pernah bersabda, "Aku duduk sebagaimana seharusnya seorang hamba Allah duduk." Baginda tidak menyukai orang berdiri untuknya sebagai tanda hormat.

Sekiranya tetamu datang mengunjung, baginda membenteng sehelai kain untuk tetamu itu duduk dan tidak menyuruh pulang sehingga tetamu itu sendiri bersedia untuk pergi. Baginda tidak pernah mennganjurkan perkara-perkara yang tidak berkenaan dalam perbualan tetapi bersama dalam topik-topik perbualan dan bercakap dengan para sahabat dengan amat informal. Cerita-cerita zaman silam antara yang diperbualkan dan juga diketawakan. Ayat-ayat juga dibacakan dan diberi penjelasan.

Sekiranya Rasulullah s.a.w mendapati dari air muka pendengar bahawa perkara itu tidak mempunyai minat, baginda akan segera beralih topik. Baginda memberi perhatian yang sama terhadap semua supaya tiada yang dapat menuduhnya memilih kasih atau mendiskriminasi. Sekiranya seseorang itu mencelah perbualan dengan perkara yang tidak berkenaan, baginda akan tidak mengendalkannya, kembali kepada perkara yang sedang dibahaskan dan menoleh kepada orang yang tadi itu.

Baginda tidak memaling mukanya dari seseorang sehinggalah orang itu menoleh mukanya kelain ataupun sehinggalah baginda telah selesai bercakap dengan orang itu secara perseorangan. Baginda sentiasa bermanis muka walaupun dengan orang yang tidak disukainya. Pada satu ketika seorang yang Rasulullah s.a.w pernah memperkatakan bahawa orang ini adalah yang paling teruk dalam kumpulannya, namun baginda tetap memberinya perhatian yang sama sehingga Sayyidatina Aisyah berkata, "Demi Allah, orang yang disingkir orang kerana kebiadabannya akan mendapat tempat paling hina di hari pembalasan."

Sekiranya baginda ingin bertemu dengan seseorang, dia memberi salam dari luar dan menunggu **jawaban untuk** izin masuk, dan jika di waktu malam dia memberi salam dengan cara orang itu dapat mendengar sekiranya ia masih berjaga dan sekiranya ia tidur, ia tidak akan diganggu. Sekiranya seseorang mengeluarkan jerami atau **debu** dari bajunya beliau berterima kasih dan berkata "semoga Allah menjauhi segala yang tidak engkau sukai." Baginda menerima hadiah dan membalas hadiah sebagai pertukaran.

Sekiranya seseorang telah disakiti olehnya dengan tidak sengaja, dia memberinya hak untuk membalas atau menghantarkannya hadiah. Sekiranya seseorang itu dating kepadanya dengan

memakai baju yang baru, baginda akan berkata, "Bagus, Bagus. Pakailah sehingga ia luntur." Baginda tidak membalas sekiranya tidak diperlakukan baik oleh seseorang tetapi memaafkannya. Sekiranya seseorang itu mencabarnya, walaupun dari ahli keluarganya sendiri, beliau membalas dengan hormat dan berkata "ya."

Rasulullah s.a.w sangat mengambil berat dalam menziarahi orang sakit, menanyakan mengenai kesihatannya, duduk disebelahnya, meletakkan tangan didahinya dan sekiranya orang sakit itu meminta sebarang makanan, baginda akan mendapatkannya sekiranya tidak memudaratkan. Dia akan memeluk pesakit, memberi ketenangan dan memberitahu, "Insya Allah, engkau akan sembuh segera." Baginda juga menziarahi kaum saudara yang sakit yang belum menerima islam. Baginda pernah menziarahi seorang kanak-kanak Yahudi, yang kemudiannya memeluk islam. Tidak waktu yang tertentu untuk ziarah yang sedemikian tetapi sebaik sahaja baginda mendengar akan orang sakit dan baginda ada kelapangan, baginda akan pergi menziarahinya. Baginda juga menziarahi Abdullah bin Ubayy, ketua orang-orang munafik sewaktu dia sakit.

Bila baginda mendengar tentang kematian seseorang, baginda akan menziarahi keluarga yang bersedihan itu dan menenangkan mereka; baginda melarang untuk meratap. Baginda bertegas bahawa mayat dikafankan dengan kain putih yang bersih. Sekiranya mayat lalu dihadapan baginda, baginda akan berdiri walaupun mayat itu bukan seorang yang Muslim. Baginda juga menegaskan bahawa mayat itu dikebumikan sebaik sahaja berlaku kematian. Baginda mengimamkan solat jenazah mayat-mayat orang Muslim dan mengikuti usungan keranda. Baginda menyuruh orangramai menghantar makanan kerumah yang berlakunya kematian. Baginda memeluk seseorang yang baru pulang dari perjalanan dan mengucapkan selamat jalan kepada yang akan melakukan perjalanan sambil berkata, "Ingatlah Aku dalam doa mu."

Baginda memberi perhatian kepada anak-anak dimana baginda memanggil mereka bunga-bunga dari taman Allah dan berkata bahawa merekalah yang akan menjadi generasi pemimpin dalam pergerakan Islam. Baginda menepuk belakang mereka dan mendoakan mereka. Sekiranya seorang bayi dibawa kepadanya, baginda akan meletakkannya diatas pehanya. Sekiranya dia menemui seorang kanak-kanak dalam perjalanan, baginda akan memebawanya bersama. Sekiranya baginda menerima buah-buahan bermusim yang berbuah kali pertama, baginda akan memberinya kepada kanak-kanak dahulu. Kadang-kadang baginda juga meluangkan waktu untuk bermain dengan mereka.

Cara baginda terhadap umatnya digambarkan dengan jelas oleh Hazrat Anas, "aku telah bersama Rasulullah s.a.w selama sepuluh tahun dan tidak pernah baginda menghina aku walupun sekali. Tidak pernah baginda mengkritik aku keatas perilaku aku terhadapnya ataupun memarahiku sekiranya aku terlupa melakukan sesuatu. Baginda memberi perhatian yang sama terhadap hamba-hambanya serta tanggungannya. Tidak pernah baginda memukul hamba-hambanya." Perihal ini juga telah dinyatakan oleh Sayyidatina Aisyah yang mengatakan bahawa tidak pernah Rasulullah s.a.w. memukul hamba-hambanya atau tanggungannya atau berdendam dengan sesiapa.

## KEHIDUPAN DIRUMAH

Hidup Rasulullah s.a.w samada dikhalayak ramai atau peribadi berlandaskan prinsip yang sama. Menjawab kepada satu pertanyaan Sayyidatina Aidyah r.a. telah berkata, "Rasullah s.a.w seperti lelaki lain. Baginda menjaga pakaiannya sendiri, memerah susu kambing, menjahit pakaiannya yang koyak dan membaiki kasutnya dan kendi-kendi air kulit. Baginda mengangkat barang berat dan memberi makan kepada binatang. Sekiranya ada pembantu, baginda akan sama-sama berkongsi kerja. Baginda pergi ke pasar untuk membeli keperluan dan memikulnya dalam dengan sehelai kain." Sayyidatina Aisyah r.a. berkata, "Bagindalah orang yang paling lembut dirumah, sentiasa tersenyum dan bersahaja. Tiada orang yang lebih menyangi akan umatnya selain Rasulullah s.a.w."

Please visit FREE e-libraries:

[www.al-islamforall.org](http://www.al-islamforall.org) [www.quranforall.org](http://www.quranforall.org) [www.prophetmuhammadforall.org](http://www.prophetmuhammadforall.org)

Mengikuti Sayyidina Ali r.a., Rasulullah s.a.w menyibukkan diri dalam tiga hal: Baginda menghabiskan masa dengan solat dan adakalanya dengan orang rumahnya dan ada kalanya baginda beristirahat. Pada waktu yang sama, baginda akan melapangkan waktu untuk perhimpunan-perhimpunan di masjid, atau untuk bersama para sahabat dan para tetamu dan untuk menerima orang yang berkunjung untuk keperluan peribadi. Masanya untuk beristirahat amatlah sedikit.

Baginda juga mengatur keperluan untuk isteri-isteri baginda dan memberi mereka tunjukajar kerana kerja-kerja reformasi kaum wanita diusahakan melalui isteri-isteri baginda. Ramai kaum wanita yang telah tampil kepada Rasulullah s.a.w dengan masalah-masalah mereka, dimana telah disampaikan kepada Rasulullah s.a.w. oleh isteri-isteri baginda. Walaupun demikian, kehidupan dirumahnya bukan perkara yang terlalu berat untuknya.

Kehidupan rumahnya seperti kehidupan seorang lelaki dimana terdapat perasaan-perasaan yang semulajadi. Adakalanya dipenuhi senyuman, dan adakalanya dengan tangisan, adakalanya kasih sayang dan juga adakalanya kecemburuan. Adakalanya kebimbangan dan juga kegembiraan dan sebaik sahaja tiba Rasulullah s.a.w. terus rumah itu akan bersinar dan bercahaya. Terdapat perbualan dari berbagai-bagai topik dan kadang-kadang bercerita dan cebisan-cebisan yang menarik perhatian.

Diberitahu, umpamanya, Sayyidatina Aisyah menyediakan masakan dari daging cincang dan tepung gandum semasa Sayyidatina Sauda berada bersama dan Rasulullah s.a.w sedang duduk diantara mereka. Suasannya yang agak informal dimana Sayyidatina Aisyah telah menyuruh Sayyidatina Sauda merasa masakannya, tetapi Sayyidatina Sauda enggan. Apabila ditolak lagi permintaannya, Sayyidatina Aisyah pun membalik masakan itu kemuka Sayyidatina Sauda, dimana Rasulullah telah ketawa atas perlakuan itu sambil menyuruh Sayyidatina Sauda melakukan yang sama terhadap Sayyidatina Aisyah untuk memberhentikan dia, dan apabila diperlakukan oleh Sayyidatina Sauda, Rasulullah s.a.w pun terus ketawa lagi.

Pernah Sayyidina Abu Bakar datang dan telah menjumpai Sayyidatina Aisyah sedang bercakap dengan agak lantang terhadap Rasulullah s.a.w.. Beliau telah hilang kesabaran dan hendak memukulnya apabila Rasulullah s.a.w telah masuk campur untuk meredakannya sambil berkata bahawa perkaranya enteng. Setelah Sayyidina Abu Bakar pulang, Rasulullah s.a.w berkata, "Tidakkah engkau perhatikan bagaimana aku telah menyelamatkan engkau dari orang tua itu?"

Sepanjang hayatnya, Rasulullah s.a.w. telah bangun pada separuh malam terakhir, menggosok giginya, mengambil wudhu, melakukan solat Tahujjud dan membaca ayat Qur'an dengan penuh ketenangan. Kadang-kadang baginda berdiri dengan begitu lama dalam solat sehingga kakinya membengkak dan apabila ditanya oleh para sahabat mengapa baginda menyusahkan dirinya kerana Allah s.w.t telah menjanjikannya pengampunan dosa-dosanya yang lepas dan yang akan datang, Rasulullah s.a.w menjawab, "Tidakkah patut aku menjadi seorang hamba Allah yang bersyukur?"

Pendapat Rasulullah s.a.w mengenai rumah dan perhiasannya ialah seseorang itu harus melalui hidupnya bagaikan seorang pengembara yang berehat sementara dibawah teduhan dan kemudian meneruskan perjalanannya. Maksudnya orang yang inginkan kehidupan akhirat seharusnya hidup didunia ini hanya untuk melaksanakan tanggungjawab dan hidup dalam keadaan yang sementara. Bagaimanakah kita sanggup bergelut untuk memenuhi impian dengan bangunan-bangunan yang tinggi dan memenuhinya dengan perhiasan dan menginginkan kehidupan yang bersuka ria penuh kesenangan? Tidakkah Rasulullah sa.w.atau para sahabat membina rumah-rumah yang besar dan menghiasinya.

Rumah-rumah mereka umpama rumah-rumah tumpangan yang memberi perlindungan dari cuaca panas dan sejuk serta perlindungan dari binatang buas dan sekadar mempunyai ruang peribadi bagi keperluan kebersihan dan kesihatan. Rasulullah s.a.w membina bilik-bilik kecil

bersebelahan masjid untuk isteri-isterinya dimana perhiasan itu cuma merupakan kebersihan. Rasulullah s.a.w. begitu menekankan kebersihan sehingga menyuruh para sahabat menentukan ruang-ruang dalamannya bersih. Amat sedikit alatan memasak disimpan didalam rumah Rasulullah s.a.w.

Ada satu mangkuk kayu bersalut besi yang digunakan untuk makan. Tiada persoalan untuk menyimpan keperluan kerana keperluan harian pun tidak mencukupi. Tilm tidur Rasulullah s.a.w. dibuat dari kulit yang bersisi jerami. Katilnya diikat dengan tali jut yang selalunya digunakan tanpa tilam dan kesan-kesan tali ini akan jelas kelihatan di badannya dimana sayyidina Umar pernah menitikkan air mata sambil mengatakan maharaja-maharaja Rome dan Iran hidup dalam keadaan penuh kesenangan sementara Pesuruh Allah dalam keadaan demikian. Rasulullah s.a.w. menanyakan beliau bahawa tidakkah dia bergembira sekiranya orang-orang ini mendapat menfaat didunia sementara Rasulullah s.a.w akan mendapat balasan ganjaran diakhirat. Kantung kantung guni juga digunakan sebagai tilam dan ada satu ketika ianya dilipat empat dan Rasulullah s.a.w. tidur dengan begitu nyenyak sehingga dia tidak terjaga untuk solat tahajjud. Baginda amat tidak menyukainya dan telah melarang supaya tempat tidurnya dijadikan empuk.

Citarasa makanan dan minumannya amat tulen (asli). Baginda menyukai daging dan lebih menyukai bahagian atas dari kaki, leher, daging dari bahagian belakang serta tulang-tulang rusuk binatang yang dibenarkan. Satu lauk Arab yang di sediakan dengan sup dan roti juga amat disukainya. Madu, cuka, tembikai, sayuran dari keluarga timun, mentiga dan beras yang dimasak dengan kekacang juga adalah kegemarannya. Baginda juga menyukai kurma dicampur dengan susu atau mentiga.

Baginda juga memakan timun bersama garam dan tembikai bersama gula. Baginda juga meletakkan kurma didalam air dan meminumnya sehingga petang kemudian membuang yang selebihnya. Kerananya menyimpan dengan lebih lama akan menapainya. Ketika minum baginda tidak pernah mengeluarkan bunyi dan mengangkat cawan kemulut sebanyak tiga kali, setiap kali mengucap syukur terhadap Allah s.w.t.

Baginda suka duduk bersama ketika makan. Penggunaan meja dan kerusi tidaklah selaras dengan kehidupan yang zuhud. Baginda tidak menyukai makanan dihidangkan dalam bekas yang kecil. Bekas-bekas dari emas dan perak tidak dibenarkan dan secara umum, barangan yang diperbuat dari kaca, tanah liat, perak serta kayu digunakan. Sebelum duduk diatas seperah (kain alas) baginda menanggalkan kasut dan membasuh tangannya. Baginda menggunakan hanya tangan kanan untuk makan and selalu mengambil makanan yang paling hampir dengannya, tidak menjelukkan jari ketengah. Baginda tidak suka bersandar ketika makan.

Secara umunya baginda duduk berlipat kaki atau diatas kaki berlipat dengan meletakkan kakinya seperti didalam solat. Kalau ada sesuatu yang tidak disukai, baginda dengan senyap akan meninggalkannya dan tidak memberi kritikan. Baginda menjauhi dari makan yang terlalu pedas. Baginda memotong daging sebelum makan dan menggunkan cuma tiga dari jarinya dan tidak mengotorinya. Kadang-kadang dia memakan buah sambil berdiri dan adakalanya baginda memakan dua jenis buah sekali seperti tembikai dan kurma. Manisan adalah kegemarannya. Baginda juga menggunakan tepung barli dan mencampurkannya engan air. Satu ketika serbuk almond digunakan sebagai pengganti dan baginda telah menolaknya dengan mengatakan bahwa itu makanan orang kaya. Apabila sup disediakan, baginda menyuruh ditambahkan kuantitinya supaya dapat di berikan kepada jiran-jiran.

Setiap suapan dari makanan baginda memebri kata syukur kepada Allah s.w.t. Baginda amat meneliti dalam membasuh tangan selepas makan. Sekiranya ada tetamu, baginda akan beruloh-ulang menyuruhnya makan dengan puas. Baginda tidak pernah menolak satu undangan dan sekiranya akan membawa kawan, baginda sentiasa meminta kebenaran tuan rumah. Dalam

memberi kesyukuran kepada Allah s.w.t baginda juga merahmati tuan rumah. Baginda bangun hanya apabila semua orang lain telah bangun. Sekiranya yang lain telah selesai sebelumnya baginda akan bangun bersama.

Rasulullah s.a.w. tidak suka meniup keatas makanan atau air yang panas atau membaunya. Baginda tidak menyukai nafas yang berbau, jadi baginda tidak menggunakan bawang atau bawang putih. Sekiranya baginda menerima makanan, baginda akan mengajak sesiapa yang berada bersamanya untuk makan sekali dan menyimpan untuk sahabat yang tidak bersama. Sejak percubaan untuk meracuninya, baginda amat berhati-hati dan sentiasa bertanyakan siapa pemberinya dan akan menyuruh pembawanya memakan sesuap dahulu. Walaupun dengan kesederhanaan citarasa ini, Rasulullah s.a.w. selalunya terpaksa melalui berhari-hari tanpa makan dan berkata, "Aku makan dan minum sebagaimana patutnya seorang hamba Allah."

## KEBIASAAN PERIBADI

Rasulullah s.a.w. kebiasaannya duduk diatas punggungnya dan adakalanya meletak tangannya dikeliling kakinya., kadang-kadang menutupi kakinya dengan kain. Baginda selalu berihat diatas tangan kirinya. Sambil berfikir, baginda pernah didapati menggores tanah dengan sepotong kayu. Apabila tidur, baginda berbaring disebelah kanan dan meletakkan tapak tangan kanannya dibawah pipinya. Adakalanya baginda tidur terlentang, kadang-kadang meletakkan satu kaki diatas yang satu laginya tetapi sentiasa berhati-hati tidak ada satu pun dari bahagian tubuhnya yang tidak ditutupi. Baginda tidak menyukai tidur menerap dan melarang untuk berbuat demikian.

Baginda tidak suka tidur dibilik yang gelap atau bilik yang tidak beratap. Baginda mengambil wudhu sebelum tidur dan membaca doa sehingga tertidur. Baginda berdengkur dengan perlahan dalam tidur. Apabila terjaga ditengah malam untuk melegakan diri atau ketandas, baginda akan membasuh tangan dan muka sebelum kembali, satu kain yang panjang disimpan untuk kegunaan tidur apabila baginda membuka bajunya. Dizaman daulu rumah tidak mempunyai tandas, Rasulullah s.a.w. pernah berjalan dua batu keluar dari kota untuk mencari tempat supaya yang tidak kelihatan orang dan juga yang tanahnya lembut untuk mengelak air dari mengenai tubuhnya. Baginda juga berjaga-jaga untuk menutupinya dengan batu atau tanah yang dikambuskan.

Baginda mandi disebalik tabir atau menggunakan satu kain yang panjang apabila mandi dalam air hujan. Apabila bersin, baginda menutupi hidungnya dengan sedikit kain. Baginda suka memulakan perjalanan pada hari Khamis dan mengetuai rombongan dengan kelajuan yang cepat. Apabila berehat dalam perjalanan baginda akan memulakan keesokannya diawal pagi dan sewaktu berkemah, baginda akan turut serta dengan yang lain mengerjakan tugas. Pada satu ketika, sambil pengembara yang lain membahagi kerja dengan berbagai tugas memasak, Rasulullah s.a.w. menugaskan dirinya untuk mengumpulkan kayu api sebagai bahan bakaran walaupun telah ditegah. Baginda melakukannya dengan rela dan ceria. Baginda sentiasa mengambil pengembara jalaran untuk mengikuti bersama rombongan. Dalam perjalanan pulang dari pengembaraan, baginda akan berhenti dahulu dan solat dimasjid sebelum pulang, dan apabila orang rumah diberitahu, baginda akan pergi tanpa kekecohan.

## PERASAAN

Rasulullah s.a.w seperti juga manusia lain tersentuh dengan perasaan, berkongsi dalam suka dan duka orang lain. Baginda amat menyangi isteri-isterinya dan baginda makan dan minum sebekas dengan Sayyidatina Aisyah. Dia menjemput anak-anak perempuan kaum Ansar untuk

Please visit FREE e-libraries:

[www.al-islamforall.org](http://www.al-islamforall.org) [www.quranforall.org](http://www.quranforall.org) [www.prophetmuhammadforall.org](http://www.prophetmuhammadforall.org)

bermain dengannya dan pada satu ketika semasa menunjukkan Aisyah pertunjukkan akrobatik oleh orang Abyssinia, dagunya diletakkan diatas bahu Rasulullah s.a.w., dan sering Rasulullah s.a.w. bertanya sekiranya Sayyidatina Aisyah berpuas hati, ini berterusan agak berpanjangan.

Rasulullah s.a.w. telah membengkokkan lututnya untuk membenarkan Sayyidatina Saffiya melangkah naik keatas untanya untu menyertai rombongan. Pada satu ketika, unta itu telah tersempat dan kedua-dua Rasulullah s.a.w. dan Sayyidatina Saffiyya jatuh dan apabila orang ramai bergegas untuk menolong, baginda berteriak supaya kaum perempuan terlebih dahulu diberi pertolongan. Anak lelakinya, Ibrahim ditempatkan di tingkat dua rumah seorang tukang besi diwaktu penusuannya dan Rasulullah s.a.w sanggup berjalan jauh serta menahan asap semata-mata untuk duduk disebelah anaknya dan memeluk dan menciumnya.

Apabila anak perempuannya Fatimah datang, baginda akan bangun untuk menerimanya. Cucu-cucunya Hasan dan Husin amat disayangi oleh Rasulullah s.a.w. dan baginda sering mendukung mereka diatas bahunya serta bermain-main dengannya. Walaupun diwaktu solat, mereka dibenarkan duduk diatas bahunya. Seorang lelaki telah merasa hairan apabila telah melihat Rasulullah s.a.w. mencium Hussain, baginda pun berkata, "Seorang yang tidak merasa kasih sayang terhadap yang lain tidak harus mengharap kasih saying terhadap dirinya." Apabila anak lelakinya Ibrahim meninggal, mata Rasulullah s.a.w dipenuhi dengan airmata.

Sekali lagi, apabila salah seorang dari anak perempuan baginda meninggal didepan matanya, pembantunya suruhannya Ummi Aiman mula meratap, baginda menahannya dan sebaik sahaja dia berhenti baginda pun mula mengalir air mata, menangis sedemikian merupakan rahmat Allah. Di kubur anaknya, Ummi Kulsoom, baginda juga mengalirkan air mata. Dihadapan mayat saudara tirinya, Usman bin Mazoon, baginda mengalirkan airmata dan mencium dahinya. Baginda kemudian memberi penjelasan mengenai tangisannya seperti berikut, "Mata ini dipenuhi airmata dan hati ini amat sedih tapi kita tidak boleh berkata apa-apa melainkan penentuan Allah s.w.t itu pasti berlaku." Selalunya didalam kesedihan baginda membaca ayat yang berikut:

*"Cukuplah allah bagi kami dan dialah sebaik-baik pelindung" (3:173)*

Baginda tidak pernah meninggikan suara sewaktu menangis tetapi mereluh seperti kendi yang mendidih. Hatinya yang peka sentiasa tersentuh apabila berdoa kepada Allah s.w.t and matanya bersinar seperti mutiara. Pada satu ketika baginda menyuruh Abdullah bin Ma'sud membaca Qur'an dan apabila sampai ke ayat yang berikut:

*"Dan bagaimanakah jika kami mendatangkan seorang saksi dari setiap umat dan Kami mendatangkan engkau sebagai saksi terhadap mereka" (3:41)*

Airmatanya mengalir turun. Satu perkara yang agak aneh bagaimana seorang Rasul dengan hatinya begitu peka boleh menampilkan kesabaran dan ketetapan dalam waktu-waktu yang getir dan sukar!

Seperti yang disebutkan diatas Rasulullah s.a.w sentiasa dalam keadaan yang ceria dan pernah berkata "Bertemu rakan dengan muka yang tersenyum itu juga satu kebaikan". Rasulullah s.a.w pernah berkata seorang yang sentiasa tersenyum dan ceria akan dapat melaksanakan tugas-tugas yang berat dengan memenangi hati orang ramai. Baginda pernah diberi gambaran seperti berikut:

Baginda bertemu dengan penuh keceriaan sehingga kasih saying bertapak dihati para sahabat. Percakapan-percakapan Rasulullah s.a.w. yang menarik dan ceria menghidupkan semua yang dikelilingnya, walaupun baginda tidak pernah berlebihan dan tidak pernah tidak sopan. Bahagian yang jenaka amat ringan umpama garam didalam roti, tidak ada yang menentang kebenaran dan tidak pernah menyakiti hati sesiapa, dan tidak juga baginda berketawa dengan

**Please visit FREE e-libraries:**

[www.al-islamforall.org](http://www.al-islamforall.org) [www.quranforall.org](http://www.quranforall.org) [www.prophetmuhammadforall.org](http://www.prophetmuhammadforall.org)

berlebihan. Ketawanya bagaikan senyuman putik bunga dimana cuma giginya sahaja yang kelihatan dan tidak pernah anak tekaknya. Sayyidina abu Huraira r.a. pernah bertanya kehairanan, "Adakah engkau berjenaka dengan kami juga?" Rasulullah s.a.w menjawab, "Ya tetapi tidak pernah aku katakan sesuatu yang bukan kebenaran." Dibawah ini adalah bagaimana Rasulullah s.a.w. berjenaka:

Pada satu ketika seorang bertanya kepada Rasulullah s.a.w untuk memberinya satu .... Dan Rasulullah berkata, "aku akan memberi engkau seekor anak unta." Orang ini berkata, "apakah gunanya seekor anak unta?" Rasulullah pun menjawab, "setiap unta dialahirkan dari seekor unta betina sebagai anak unta."

Seorang perempuan tua datang kepada Rasulullah dan meminta baginda mendoakanya diberi tempat di Syurga. Rasulullah s.a.w berkata secara berjanaka, "Perempuan-perempuan tua tidak akan masuk ke syurga." Apabila wanita itu bergegasan untuk meninggalkan tempat itu dengan menangis, Rasulullah s.a.w. memanggilnya semula dan memberitahu bahawa Allah tidak akan memasukkan orang-orang ke syurga dalam keadaan tua renta tapi telah menjanjikan demikian:

*"We have created (their companions) of special creation and made them virgins pure (and undefiled)." - (LVI : 35-37)*

Ia bermaksud penghuni Syurga akan dimasukkan dalam keadaan muda.

Seorang beduin, sahabat Rasulullah s.a.w. sering dihantar untuk kepasar untuk berniaga. Pada satu ketika ketika beduin ini sedang menjual sesuatu, Rasulullah s.a.w. telah pergi dengan perlahan-lahan kepadanya dan meletakkan tangan menutupi matanya dan bertanyakan sekira dia mengenali baginda. Pada awalnya beduin ini terkejut, kemudian apabila dia menegalkannya dia menggosok bahunya ke dada Rasulullah s.a.w. Baginda pun berkata, "Siapa akan membeli hamba sahaya ini?" Beduin itu dengan penuh rendah diri berkata, "Barangsiapa membeli hamba sahaya ini nescaya akan kerugian." Rasulullah s.a.w pun berkata, "Tidaklah engkau dinilai begitu disisi Allah s.w.t."

Pada satu ketika, Rasulullah s.a.w sedang makan tamar bersama para sahabat dan bergurau senda membaling bijinya terhadap Sayyidina Ali s.a. dan apabila terkumpul agal banyak, Rasulullah s.a.w berkata kepada Ali, "Engkau telah memakan begitu banyak tamar." Lalu Sayyidina Ali r.a. menjawab, "Tidak aku makan biji-biji itu langsung."

Satu ketika dalam pergolakan Peperangan Khandaq, Rasulullah masih bepeluang untuk ketawa. Kebetulan Sa'ad, bapa kepada Amir, menunjukan anak panah terhadap musuh yang menghalangnya dengan perisai. Sa'ad meletakkan anak panahnya dalam panah dan menunggu sehing musuh mengeluarkan muka dari perisai dan kemudian memanah dengan begitu tepat sehingga ia terpacak pada dahi musuh dan kemudian Sa'ad **berputar** untuk memberitahu sehingga kakinya terangkat menjadikan situasi yang agak lucu.

Seorang yang peribadinya dihubungkan dengan agama dan yang dirinya **dekat** pada tuhan biasanya digambarkan sebagai mempunyai muka yang tidak berekspresi dan muram, dan sukar difahami namun Rasulullah s.a.w dengan ketaatannya dalam salat serta peribadinya yang takut akan Allah s.w.t. dan tanggungjawabnya yang begitu besar serta kebimbangan yang dipikul boleh meluangkan masa untuk bertenangan dalam skema hidupnya.

Namun dalam skema hidup seorang Muslim, walaupun dalam keadaan warak dan taqwa tidak bermakna harus menahan diri dari bertenangan dan berhibur. Ibn Umar pernah menjawab satu soalan dengan berkata bahawa para sahabat sering berketawa walaupun kepercayaan telah tepacak teguh dalam hati mereka seperti batu. Mereka sering bertanding dalam latihan memanah dan ketawa bersama. Pada satu perhimpunan selepas solat fajar kisah-kisah zaman

**Please visit FREE e-libraries:**

[www.al-islamforall.org](http://www.al-islamforall.org) [www.quranforall.org](http://www.quranforall.org) [www.prophetmuhammadforall.org](http://www.prophetmuhammadforall.org)

sebelum Islam diceritakan dan Rasulullah beserta para sahabat bersama-sama ketawa. Baginda sentiasa ceria dengan kanak-kanak serta tanggungannya,

## REKREASI BELIAU

Rekreasi yang berbatasan adalah satu elemen hidup yang seimbang demi untuk menghilangkan kebosanan dalam skema hidup, dan tiada masyarakat yang dapat beertoleransi lama tanpa raidah. Rasulullah s.a.w. adakalanya senang dengan perkara yang mengalihkan perhatian dengan riadah yang dibenarkan. Adakalanya baginda suka ke taman bersendirian dan adakalanya berteman dan sering berbagai hal dibincangkan disitu. Kadang-kadang latihan renang diadakan dimana pasangan berdua akan bertanding antara satu sama lain. Sayyidina Abu Bakar pernah berpasangan dengan Rasulullah s.a.w. dalam pertandingan ini.

Satu hari telah hujan ketika telah lama tidak hujan, Rasulullah s.a.w pun mandi hujan dengan memakai satu kain sarong yang panjang. Baginda amat mengambil berat dalam latihan larian dan memanah dan bergusti dan sering ketawa bersama-sama yang lain. Pada waktu-waktu keramaian baginda suka mengetuk gendang sebelah dan menyanyi disamping anak-anak perempuan. Pada satu hari Raya, dua anak perempuan telah menyanyi bersama Sayyidina Aisyah dan Sayyidina Abu Bakar telah menegur mereka; Rasulullah pun campurtangan dan membenarkan mereka untuk meneruskannya. Pada majlis-majlis walimatul urus, Rasulullah s.a.w membenarkan gendang di beduk. Pada satu majlis perkahwinan perempuan Ansar yang tinggal bersama Sayyidina Aisyah r.a., Rasulullah s.a.w berkata bahawa, kaum Ansar **suka akan** huburan berbentuk muzik dan seorang penyanyi perempuan diundang untuk menyanyi bersama pengantin:

"Telah datang kami kepada kamu. Telah datang kami kepada kamu. Supaya kamu panjang umur dan kami panjang umur."

Pada satu majlis, beberapa anak-anak perempuan sedang menyanyi lalu datang Sayyidina Amir ibn Sa'ad dan menegur mereka dan orang ramai yang hadir pun berkata, "Sekiranya engkau mahu mendengar, silakan duduk, dan sekiranya tidak, silakan pergi. Kami telah mendapat kebenaran Rasulullah s.a.w. untuk berlaku demikian." Rasulullah s.a.w. juga suka kepada syair yang mana adalah berbeza syair diwaktu dahulu dan dari sekarang. Jabir bin Samrah berkata bahawa beliau telah hadir di lebih dari seratus perjumpaan bersama Rasulullah s.a.w dimana kisah-kisah zaman sebelum Islam diceritakan dan para sahabat membaca syair. Pernah Rasulullah menghargai sebaris dari syair Labid yang berbunyi:

*Berhati-hatilah, segala yang selain Allah adalah makhluk.*

Baris yang satu lagi berbunyi:

*Semua kepuasaan akan luput.*

Pada satu ketika Rasulullah s.a.w mendengar seratus ayat dari Umayya bin Abi Salt, dibacakan oleh sayyidina Sharid dan berkata kemudian bahawa orang ini telah hampir kepada Islam. Kadang-kadang, terutamanya di medan perang, Rasulullah s.a.w dengan tidak sedar bercakap umpama bersyair. Baginda menyuruh Sayyidina Hassan dan Ka'ab bin Malik untuk mengarang syair untuk menjawab kepada ayat-ayat yang biadap dari musuh-musuh Islam, dan selalu menyuruh Hasan membacakannya dimimbar dan berkata bahawa ayat-ayat dari syair ini lebih berkesan terhadap musuh dari sebilah pisau. Baginda pernah berkata, "Seorang Muslim bukan hanya berjihad dengan pedang tetapi juga dengan kata-kata."

**Please visit FREE e-libraries:**

[www.al-islamforall.org](http://www.al-islamforall.org) [www.quranforall.org](http://www.quranforall.org) [www.prophetmuhammadforall.org](http://www.prophetmuhammadforall.org)

## BEBERAPA KEISTIMEWAAN RASULULLAH S.A.W.

Rasulullah s.a.w. menggunakan tangan kanannya untuk mengambil atau menerima sesuatu. Dalam meimlaq (mendiktet) surat baginda akan menyuruh penulis memulakan surat dengan nama Allah dan kemudian meletakkan nama pegirim serta alamatnya. Surat ditulis dan kemudian akan diletakkan cap stempelya dihujung surat. Rasulullah s.a.w bebas dari semua kepercayaan karut dan tangkal. Namun baginda menyukai nama-nama yang baik dan tidak menyukai nama-nama yang tidak baik. Sekiranya dalam perjalanan baginda akan berhenti berkhemah ditempat-tempat yang namanya bermaksud kebahagiaan atau kejayaan. Begitu juga dalam memberi kerja, baginda tidak mengamanahkan kerja kepada orang-orang yang namanya bermaksud pergaduhan atau kerugian. Kerja-kerja diamanahkan kepada orang-orang yang namanya bermaksud kebahagiaan atau kejayaan. Dalam perjalanan berombong baginda suka menggunakan kuda dan pernah berkata bahwa pada rambut di leher kuda itu terdapat rahmat sehinggalah ke hari Pembalasan. Baginda membersihkan mata, hidung dan mulut kuda dengan tangannya sendiri. Rasulullah s.a.w. tidak suka akan suasana yang bising dan keributan tetapi lebih menyukai kepada ketenangan, kemuliaan dan peraturan. Walaupun untuk pergi solat berjemaah ke masjid, beliau melarang dari bergegasan. Baginda pernah berkata, "Ketenangan dan kemuliaan itu adalah bagi kamu." Satu ketika di musim Haji, berlaku keributan dan kekliruan, dan Rasulullah s.a.w. mengembalikan keadaan dengan memukul cemetinya dan berkata "Kegegasan bukanlah satu kebaikan."

Deskripsi mengenai kahlaq Rasulullah memerlukan satu buku yang lain kerana seluruh hidupnya merupakan gambaran akhlaqnya. Sayyidatina Aisyah berkata, "Akhlaq Rasulullah s.a.w. itu adalah Al-Qur'an." Apa yang diperkatakan Anas bin Malik mengenai Rasulullah s.a.w. adalah paling lengkap. Berkata Anas, "Rasulullahlah s.a.w merupakan lelaki yang paling utama, paling murah hati dan paling berani." Tidak pernah dalam hidupnya baginda telah menyakiti seseorang kecuali dalam melaksanakan undang-undang Allah s.w.t dan tidak pernah baginda berdendam atau menyakiti orang lain. Baginda memaafkan semua orang sehingga ke yang paling kejam antara mereka dari Mekah dan Taif.

Baginda tidak pernah menolak permintaan orang yang meminta pertolongan malah sanggup untuk meminjamkan sesuatu dari orang lain dan sekiranya tidak mungkin baginda mengaturnya sendiri, baginda akan menyuruh orang itu datang pada waktu yang lain atau berdiam diri dahulu. Bukti keberaniannya ialah baginda telah dengan seorang diri mengumumkan kebenaran dan dengan berani telah bersemuka dengan segala ujian dan dugaan, tidak mengalah kepada ketakutan walaupun dalam situasi yang paling merbahaya dan tidak pernah juga baginda menunjukkan kelemahannya. Dalam saat yang paling genting sewaktu di Gua Thur, dan di waktu peperangan Uhud dan Hunain, kepercayaannya tidak goncang dan keteguhannya tiada bandingan.



# Al-Islam Group

-: Presents **FREE** e-Libraries :-

[www.al-islamforall.org](http://www.al-islamforall.org)  
[www.prophetmuhammadforall.org](http://www.prophetmuhammadforall.org)  
[www.quranforall.org](http://www.quranforall.org)

Be a Vision of Spreading **ISLAM** - Through e-Dawah



Please send all comments, suggestions to: [info@al-islamforall.org](mailto:info@al-islamforall.org)

**Join our mailing list**

Please send an e-mail to us: [ADD ME](#)

**Please visit FREE e-libraries:**

[www.al-islamforall.org](http://www.al-islamforall.org) [www.quranforall.org](http://www.quranforall.org) [www.prophetmuhammadforall.org](http://www.prophetmuhammadforall.org)